

Siasat laporan kes empat budak lemas

» Kerajaan negeri persoal tiada penghadang di lokasi kejadian

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar
bhizar@mediaprima.com.my

■ Melaka Tengah

Kerajaan negeri mengarahkan pihak berkuasa berkaitan menyiasat dan menyerahkan laporan terperinci kejadian empat budak lemas di Sungai Melaka berhampiran Taman Seri Krubong dekat sini, Ahad lalu.

Pihak berkuasa itu adalah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Ketua Menteri, Datuk Wira Idris Haron, berkata hasil pemantauan mendapati beberapa perkara perlu diperketatkan teruta-

ma berkaitan kaedah pembangunan di sekitar lokasi kejadian.

"Sebagai contoh, kita (kerajaan negeri) memersoalkan ketiadaan papan penghadang yang memaklumkan bahawa kawasan ini adalah lokasi tapak pembinaan.

kenal pasti tindakan

"Selain itu, mengapa letak tebing batu yang memudahkan sesiapa untuk turun ke sungai dan ia sepatutnya hanya dibiarkan bersemak. Kita juga dapati ada kerja penambakan di tebing sungai berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau lo-

“**Kita juga mahu pema-ju perumahan dan hartanah di tempat lain sentiasa patuhi peraturan keselamatan ditetapkan”**

Idris Haron,
Ketua Menteri Melaka

kasi dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga semua mangsa di Taman Seri Krubong di sini, semalam.

BH Isnin lalu melaporkan Mohd Hazimi Fadzli, 9, dan adik perempuannya, Hanis Balqis, 7, serta dua rakan mereka, Athafiz Amin, 10, dan Radzatul Nadia, 12, lemas pada kira-kira jam 4 petang ketika mencari kepah di Sungai Melaka, berhampiran Taman Seri Krubong.

Empat lagi rakan mereka, berusia antara enam hingga 11 tahun yang turut berada di situ terselamat.

Idris berkata, siasatan dan laporan itu perlu bagi membolehkan kerajaan negeri mengenal pasti tindakan yang akan dilakukan secara berperingkat sekali gus mengelak ia berlaku di kawasan lain di negeri ini.

"Kita juga mahu pema-ju perumahan dan hartanah di tempat lain sentiasa mematuhi peraturan keselamatan ditetapkan.

"Kejadian ini dipandang serius oleh kerajaan negeri dan perlu dijadikan sebagai iktibar kerana membabitkan nyawa seseorang," katanya.



Idris (tiga dari kanan) bersama isteri, Datin Wira Fadillah Abdullah (empat dari kanan) serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput, Sazali Muhd Din (dua dari kanan) melawat tempat kejadian empat budak lemas di Sungai Melaka berdekatan Taman Seri Krubong Fasa Dua, Melaka.

[FOTO MOHD ZAIDI YA'ACOB/BH]



BIASISWA IPTA YAYASAN TENAGA NASIONAL (Pengambilan September 2013)

Calon-calon warga negara Malaysia yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat berikut adalah dipelawa untuk memohon biasiswa Yayasan Tenaga Nasional (YTNN) bagi mengikuti pengajian dalam bidang-bidang tertentu di Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk kemasukan pada sesi September 2013.

1) BIDANG PENGAJIAN

IJAZAH SARJANA MUDA

- Kejuruteraan Elektrik (Kuasai)
- Kejuruteraan Mekanikal
- Kejuruteraan Awam
- Perakaunan

2) SYARAT & KELAYAKAN

- Lulus STPM 2012 dengan mencapai sekurang-kurangnya CGPA / PNGK 3.50 atau
- Lulus Diploma / Matrikulasi / Asas 2013 dengan mencapai sekurang-kurangnya CGPA / PNGK 3.50
- Berumur tidak melebihi 23 tahun pada tahun 2013